

14/04/2003

Umno perlu kekalkan tradisi lama lantik TPM: Nazri

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Umno bahagian tidak perlu mengemukakan sebarang usul bagi mendesak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, melantik sesiapa saja sebagai Timbalan Perdana Menteri, apabila beliau mengambil alih pucuk kepimpinan negara Oktober ini.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Nazri Aziz, yang juga Ketua Umno

Bahagian Chenderoh, berkata Umno perlu mengekalkan tradisi iaitu serah kepada Abdullah sendiri untuk menentukannya apabila menjadi Perdana Menteri nanti.

Katanya, tradisi itu sudah lama diamalkan apabila Allahyarham Tun Razak

memilih Tun Hussein Onn sebagai timbalannya, dan kemudian Hussein memilih

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudiannya memilih pula Abdullah sebagai timbalannya.

"Itu pandangan saya sebab kita kena beri ruang kepada bakal Perdana Menteri (Abdullah) untuk membuat keputusan ini. Ia sangat penting dan itulah tradisinya. Saya menyokong kenyataan Pak Lah sebelum ini supaya Umno bahagian tidak mengemukakan sebarang usul mengenai perkara ini," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan tahunan Umno Bahagian Bukit Bintang, di sini semalam.

Ahad lalu, Nazri mencetuskan kontroversi apabila mengeluarkan kenyataan

menyatakan sokongan supaya Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, menjadi Timbalan Presiden Umno dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Oktober ini.

Sehari kemudian, Abdullah, ketika mengulas isu itu menasihatkan semua bahagian Umno tidak mengemukakan usul berhubung siapa bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila beliau mengambil alih pucuk kepimpinan

parti dan negara, selepas Oktober ini.

Nazri berkata, beliau sudah menemui Abdullah baru-baru ini dan menjelaskan bahawa pendirian Umno Chenderoh itu bukan berbentuk usul tetapi terkandung dalam ucapan aluannya saja.

"Isu ini sudah selesai. Dalam ucapan saya memang saya sokong Najib, ia bukan untuk tujuan usul. Itu hak saya. Malah pada hari yang sama, (Datuk)

Azrat Gull Amirzat Gull (Ketua Umno Bahagian Batu), ketika berucap pada mesyuarat perwakilan Umno Cheras menyatakan sokongan kepada (Tan Sri) Muhyiddin Mohd Yassin.

"Jadi kerana ucapan Azrat Gull tidak dilaporkan akhbar, dia terlepas dan

saya pula jadi kontroversi kerana ucapan saya dilaporkan. Saya rasa ucapan

aluan untuk menyatakan sokongan, tak apa tapi bukan dalam bentuk usul," katanya.

Beliau berkata, soal sama ada naib presiden yang berada dalam

kedudukan

kedua atau ketiga menjadi pilihan untuk jawatan nombor dua seperti dilalui

Hussein, Dr Mahathir dan Abdullah sendiri, adalah secara kebetulan, bukan tradisi.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Rais

Yatim, berkata ahli Umno tidak perlu membincangkan isu siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas Abdullah kerana ia menyalahi perlembagaan negara.

Beliau berkata, perlembagaan negara tidak memperuntukkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ia hanya ditentukan Perdana Menteri ketika itu.

"Jawatan Timbalan Perdana Menteri memang tidak wujud dalam perlembagaan negara seperti jawatan Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik," katanya di Kluang, Johor, semalam.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) berkata demikian ketika diminta mengulas isu Timbalan Perdana Menteri yang ditimbulkan kembali baru-baru ini.

Rais berkata, jika sesuatu isu yang dibincangkan itu tidak termaktub dalam perlembagaan negara ia menjadi kesalahan sekiranya dibahaskan secara

terbuka dan itu termasuk isu pengganti Timbalan Perdana Menteri.

"Fasal 43 perlembagaan negara secara terang-terang tidak memperuntukkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ia terpulang kepada kuasa mutlak Perdana Menteri ketika itu, untuk melantik timbalannya," katanya.

Sehubungan itu, Rais berkata rakyat tidak kira siapapun tidak seharusnya membincangkan mengenai isu pengganti Timbalan Perdana Menteri sama ada di media atau ketika mesyuarat.

"Jawatan itu adalah satu kebiasaan yang menjadi amalan dalam kerajaan Malaysia, jadi mereka yang membincangkan perkara ini secara terbuka seharusnya merujuk kepada perlembagaan negara," katanya.